

Microsoft mahu jadikan Malaysia hab teknologi maklumat

Johor Bahru: Gergasi teknologi dunia, Microsoft, Google dan Amazon menunjukkan minat yang tinggi dalam membantu Malaysia memajukan bidang teknologi maklumat.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memaklumkan beliau mengadakan perbincangan dengan wakil gergasi teknologi dunia berkenaan baru-baru ini, berkata mereka juga berminat menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau atau hab teknologi maklumat.

"Mereka (Microsoft, Google dan Amazon) berminat bukan sahaja untuk membantu Malaysia memajukan bidang teknologi maklumat, malah mahu menjadikan negara sebagai pusat serantau atau hab teknologi maklumat.

"Namun, perkara pokok kita yang utama ialah bagaimana mahu memperluaskan lagi rangkaian internet kita di seluruh pelusuk negara. Sebagai contoh, insiden ada pelajar kita di Sabah yang terpaksa bermalam di atas pokok kerana mencari rangkaian internet. Ini perlu dibaiki lagi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika sesi soal jawab pada majlis perjumpaan bersama penjawat awam Johor, di sini, semalam.

Pada 12 Jun lalu, tular video seorang pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS), Veveonah Mosibin, 18, memanjat pokok di kampungnya di Pitas, Sabah, demi mendapatkan talian internet untuk menduduki peperiksaan dalam talian.

Penuntut dari Kampung Sapatang itu memuat naik video berkenaan di saluran YouTube dan menerima lebih 150,000 tontonan, dibanjiri reaksi serta komen positif, selain turut dikongsi UMS.